



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN ANTARA POLA KOMUNIKASI DAN GAYA KEIBUBAPAAN  
DENGAN TAHAP PENGUASAAN KOMPETENSI KOMUNIKASI  
INTERPERSONAL PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI***

**ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS**

**FBMK 2017 31**



**HUBUNGAN ANTARA POLA KOMUNIKASI DAN GAYA KEIBUBAPAAN  
DENGAN TAHAP PENGUASAAN KOMPETENSI KOMUNIKASI  
INTERPERSONAL PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Oleh

**ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains.

**November 2016**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA POLA KOMUNIKASI DAN GAYA KEIBUBAPAAN  
DENGAN TAHAP PENGUASAAN KOMPETENSI KOMUNIKASI  
INTERPERSONAL PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Oleh

**ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS**

**November 2016**

Pengerusi : Akmar Hayati Binti Ahmad Ghazali, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui perkaitan antara faktor keluarga dari segi amalan pola komunikasi dan gaya keibubapaan terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar. Objektif khusus kajian ini pula ialah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar; mengenal pasti perkaitan antara amalan pola komunikasi keluarga oleh ibu bapa pelajar dengan penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal; mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan ibu bapa pelajar dengan penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar; menentukan faktor pengaruh pola komunikasi dan gaya keibubapaan terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar. Teori yang digunakan dalam kajian ini pula ialah teori pola komunikasi keluarga, model gaya keibubapaan dan teori kompetensi komunikasi interpersonal. Lokasi kajian yang dipilih ialah Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Seramai 400 orang pelajar yang ‘berkeluarga lengkap’ daripada ketiga-tiga universiti tersebut telah dipilih menjadi responden kajian melalui persampelan rawak bertujuan (*purposive sampling*). Hasil kajian menunjukkan pelajar di universiti yang dikaji menguasai kompetensi komunikasi interpersonal pada tahap tinggi. Pola komunikasi orientasi perbualan dan gaya keibubapaan demokratik menunjukkan perkaitan yang positif dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar. Selain itu, ujian regresi pelbagai pula menunjukkan faktor pola komunikasi orientasi perbualan dan gaya keibubapaan demokratik adalah pemboleh ubah peramal kepada tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar. Pola komunikasi orientasi perbualan merupakan faktor peramal utama kepada tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar. Adalah dicadangkan amalan pola komunikasi orientasi perbualan dan gaya keibubapaan demokratik harus diamalkan oleh ibu bapa bagi menggilap potensi kendiri anak-anak. Selain itu, pengkaji akan datang masih boleh melakukan kajian ini dengan melihat pemboleh ubah lain yang sesuai dikaitkan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar di samping mengambil responden selain daripada pelajar Universiti Awam sebagai subjek kajian.

Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN COMMUNICATION PATTERN AND  
PARENTING STYLES WITH THE CAPABILITY OF STUDENTS FOR  
MASTERING INTERPERSONAL COMMUNICATION COMPETENCE AT  
HIGHER INSTITUTIONS**

By

**ARVIN LAWRENCE LAMPAKAS**

**November 2016**

**Chairperson : Akmar Hayati Binti Ahmad Ghazali, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The main objective of this study is to determine the correlation between family factors in term of communication and parenting styles with the capability of student for mastering interpersonal communication effectively. This study has several further specific objectives to be achieved such as; to identify the capability of student for mastering interpersonal communication effectively; to identify the correlation between the parents communication pattern with the capability of student for mastering interpersonal communication effectively; and to identify the correlation between the parenting styles with the capability of student for mastering interpersonal communication effectively; to determine the influence of parenting style and communication patterns towards level of interpersonal communication competence of students. Three types of theories have been used in this study namely, family communication pattern, parenting styles model as well as an efficiency in reaching the interpersonal communication. Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Malaya were selected as a sampling location for conducting this study. By mean of purposive sampling, this quantitative study was accomplished by distributing questionnaires to around 400 students as respondents who have their own family members from aforementioned universities. Results showed that the students have great capability for mastering interpersonal communication effectively. Positive correlation was observed between the communication patterns including orientation of conversation with the capability of students for mastering interpersonal communication effectively. The Multiple Regression tests showed that the factors like democratic parenting styles and pattern of communication including conversation orientation had influenced the capability of the students for mastering interpersonal communication effectively. As compared to democratic parenting styles, the patterns of communication including conversation orientation are the main factor that influenced capability of the students for mastering interpersonal communication effectively. The results of this study suggest that parents should practice the democratic parenting styles and pattern of communication including conversation orientation in order to help children develop self-potential throughout their life. Besides that, others researchers may further this study by considering another appropriate factor associated with the capability of students for

mastering interpersonal communication. In future, others researchers may select students as respondents who studied at private universities instead of public universities.

## **PENGHARGAAN**

Assalammualaikum, bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan izinNya, akhirnya tesis ini berjaya disiapkan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pengurus penyeliaan saya, Dr. Akmar Hayati binti Ahmad Ghazali yang terlalu banyak membantu, membimbing dan memberikan tunjuk ajar berkaitan dengan penyelidikan saya ini.

Begitu juga dengan ahli jawatankuasa penyeliaan saya yang banyak membantu dan amat peka dengan penyelidikan saya sehingga saya dapat menyiapkan tesis saya ini. Ribuan terima kasih buat Dr. Wan Anita bt Wan Abas yang tidak henti-henti memberikan tunjuk ajar dan meluangkan masa dalam membantu saya. Tidak dilupakan juga kepada Ketua Jabatan dan kakitangan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya yang telah memberikan kerjasama dan kebenaran dalam melaksanakan penyelidikan ini.

Saya juga ingin memberikan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana sudi membiayai pengajian saya sepanjang saya berada di Universiti Putra Malaysia.

Tidak dilupakan juga ucapan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya yang sudi meluangkan masa untuk membantu saya dalam penyelidikan ini. Terakhir sekali, paling tidak dilupakan ialah ahli keluarga saya terutamanya ibu bapa saya Encik Lawrence Lampakas dan Puan Aisah binti Ismail yang tidak putus-putus memberikan suntikan semangat dan doa kepada saya agar tidak mudah berputus asa sehingga penyelidikan ini berjaya disiapkan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 22 November 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Arvin Lawrence Lampakas bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan antara Pola Komunikasi dan Gaya Keibubapaan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Siti Zobidah binti Omar, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Jusang bin Bolong, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Mohd Sobhi bin Ishak, PhD**

Pensyarah Kanan

Universiti Utara Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)



**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Mac 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Akmar Hayati Binti Ahmad Ghazali, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Wan Anita Binti Wan Abas, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

: Akmar Hayati Binti Ahmad Ghazali

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

: Wan Anita Binti Wan Abas

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.5.1 Objektif Umum	5
1.5.2 Objektif Khusus	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.7.1 Kepentingan kepada Institusi	6
1.7.2 Kepentingan kepada Metod	6
1.7.3 Kepentingan kepada Teori	7
1.8 Definisi Konseptual	7
1.8.1 Pola Komunikasi	7
1.8.2 Gaya Keibubapaan	7
1.8.3 Kompetensi komunikasi Interpersonal	7
1.9 Rumusan Bab	8
 <b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	9
2.1 Peranan Institusi Keluarga dalam Melahirkan Modal Insan	9
2.2 Perkaitan Keluarga dengan Perkembangan Diri Anak-Anak	10
2.3 Kepentingan Kompetensi Komunikasi Interpersonal kepada Graduan	12
2.4 Kajian Lepas	13
2.4.1 Pola Komunikasi Keluarga	13
2.4.2 Kecenderungan Anak melalui Amalan Pola Komunikasi Orientasi Perbualan	15
2.4.3 Kecenderungan Anak melalui Pola Komunikasi Keluarga Orientasi Keakuran	16
2.4.4 Gaya Keibubapaan	18
2.4.5 Kecenderungan Anak melalui Gaya Keibubapaan Jenis Autoritarian	20
2.4.6 Kecenderungan Anak melalui Gaya Keibubapaan Jenis Demokratik	22
2.4.7 Kecenderungan Anak melalui Gaya Keibubapaan Permisif	23
2.4.8 Kompetensi Komunikasi Interpersonal	24

2.5	Teori Berkaitan	27
2.5.1	Teori Pola Komunikasi Keluarga	27
2.5.2	Model Gaya Keibubapaan	28
2.5.3	Teori Kompetensi Komunikasi Interpersonal	29
2.6	Perkaitan Teori Terhadap Kajian	31
2.7	Rangka Konsep Kajian	32
2.8	Hipotesis Kajian	33
2.9	Rumusan Bab	34
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>35</b>
3.1	Reka Bentuk Kajian	35
3.2	Lokasi dan Subjek Kajian	35
3.3	Populasi dan Prosedur Persampelan	37
3.4	Operasional Pemboleh Ubah Kajian	39
3.4.1	Pemboleh Ubah Bersandar	39
3.4.1.1	Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	39
3.4.1.2	Pengukuran Skor min Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal	40
3.5	Instrumen Kajian	40
3.6	Praji Kajian	43
3.7	Kesahan dan Kesahihan Instrumen	45
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	46
3.9	Analisis Data	47
3.10	Ujian Kenormalan Data	48
3.11	Aras Signifikan	50
3.12	Rumusan Bab	50
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>52</b>
4.1	Demografi Responden	52
4.2	Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	53
4.2.1	Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar Bagi Dimensi Pengetahuan	53
4.2.2	Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar Bagi Dimensi Motivasi	54
4.2.3	Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar Bagi Dimensi Kemahiran	55
4.3	Hubungan Antara Pola Komunikasi dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal	56
4.3.1	Amalan Pola Komunikasi Ibu Bapa Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi	57
4.3.2	Ujian-t Berpasangan ( <i>paired sample t-test</i> ) antara Pola Komunikasi Orientasi Perbualan dan Keakuran	57
4.3.3	Hubungan Antara Pola Komunikasi Orientasi Perbualan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	58
	Ha1: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi perbualan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi pengetahuan.	59

Ha 2: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi keluarga orientasi perbualan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi motivasi.	59
Ha 3: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi perbualan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi kemahiran.	60
Ha 4: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi perbualan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar secara keseluruhan	62
<b>4.3.4 Hubungan Antara Pola Komunikasi Orientasi Keakuruan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar</b>	<b>62</b>
Ha 5: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi keakuruan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi pengetahuan.	62
Ha 6: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi keakuruan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi motivasi.	62
Ha 7: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi keakuruan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi kemahiran.	63
Ha 8: Terdapat hubungan yang positif antara pola komunikasi orientasi keakuruan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar secara keseluruhan.	63
<b>4.4 Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Pelajar Dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar</b>	<b>64</b>
4.4.1 Amalan Gaya keibubapaan Ibu Bapa Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi	64
4.4.2 Ujian-t Berpasangan ( <i>paired sample t-test</i> ) antara Gaya Keibubapaan Autoritarian dan Demokratik	65
4.4.3 Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Jenis Autoritarian dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	66
Ha 9: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi pengetahuan.	66
Ha10: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan authoritarian dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi motivasi.	67
Ha11: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan authoritarian dengan tahap	

	penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi kemahiran.	67
	Ha12: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan autoritarian dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar secara keseluruhan.	68
4.4.4	Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Jenis Demokratik dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	69
	Ha13: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan demokratik dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi pengetahuan.	69
	Ha14: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan demokratik dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi motivasi.	69
	Ha15: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan Demokratik dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar dari segi kemahiran.	70
	Ha16: Terdapat hubungan yang positif antara gaya keibubapaan demokratik dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar secara keseluruhan.	70
4.5	Hubungan Antara Faktor Pola Komunikasi dan Gaya Keibubapaan Terhadap Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	71
	Ha 17: Pola Komunikasi orientasi perbualan, orientasi keakurran dan Gaya Keibubapaan authoritarian, demokratik adalah faktor yang menyumbang kepada Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	71
4.6	Rumusan Bab	73
<b>5</b>	<b>RINGKASAN DAN KESIMPULAN KAJIAN</b>	74
5.1	Ringkasan Kajian	74
5.1.1	Metodologi Kajian	75
5.2	Rumusan Hasil Kajian	76
5.2.1	Demografi Responden	76
5.2.2	Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal	76
5.2.3	Hubungan antara amalan pola komunikasi dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar	76
5.2.3.1	Perkaitan Antara Pola Komunikasi Orientasi Perbualan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	77

5.2.3.2	Perkaitan Antara Pola Komunikasi Orientasi Keakuran dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	77
5.2.4	Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Pelajar dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	78
5.2.4.1	Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Jenis Autoritarian dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	78
5.2.4.2	Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Jenis Demokratik dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	78
5.2.5	Pengaruh Antara Faktor Pola Komunikasi dan Gaya Keibubapaan Terhadap Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	79
5.3	Kesimpulan Hasil Kajian	79
5.4	Implikasi Kajian	80
5.4.1	Implikasi Terhadap Institusi	80
5.4.2	Implikasi Terhadap Teori	81
5.4.3	Implikasi terhadap Metodologi	82
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	82
5.6	Rumusan Bab	83
<b>RUJUKAN</b>		84
<b>LAMPIRAN</b>		101
<b>BIODATA PELAJAR</b>		109
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		110

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Nama dan Lokasi Universiti Penyelidikan di Selangor	36
2	Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi	38
3	Skor Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal	39
4	Struktur Instrumen Kajian	41
5	Interpretasi Bagi Nilai <i>Cronbach Alpha</i> ( $\alpha$ )	44
6	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> ( $\alpha$ ) Bagi Setiap Pemboleh Ubah Kajian (n=30)	45
7	Jadual Fasa Pengumpulan Data Responden Sebenar	46
8	Interpretasi pekali korelasi berdasarkan <i>Guilford Rule of Thumb</i>	48
9	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Bagi Pemboleh Ubah Kompetensi Komunikasi Interpersonal (Pengetahuan)	49
10	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>kurtosis</i> Bagi Pemboleh Ubah Kompetensi Komunikasi Interpersonal (Motivasi)	50
11	Ujian Normaliti <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Bagi Pemboleh Ubah Kompetensi Komunikasi Interpersonal (Kemahiran)	50
12	Taburan Demografi Responden mengikut Profil	52
13	Taburan Skor Min Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Dimensi Pengetahuan	53
14	Taburan Skor Min Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Dimensi Motivasi	54
15	Taburan Skor Min Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar Dimensi Kemahiran	55
16	Taburan Skor Min Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Secara Keseluruhan	56
17	Amalan Pola Komunikasi Ibu Bapa Pelajar	57
18	Ujian-t Berpasangan Antara Pola Komunikasi Orientasi Perbualan dan Keakuratan	58
19	Ujian Korelasi antara Pola Komunikasi Orientasi Perbualan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar	61
20	Ujian Korelasi antara Pola Komunikasi Orientasi Keakuratan dengan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	64
21	Amalan Gaya Keibubapaan	65
22	Ujian-t berpasangan antara gaya keibubapaan autoritarian dan demokratik	66
23	Perkaitan Antara Gaya Keibubapaan Autoritarian dan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	68
24	Perkaitan antara Gaya Keibubapaan Demokratik dan Tahap Penguasaan Kompetensi Komunikasi Interpersonal Pelajar	71
25	Analisis pemboleh ubah Varians	72
26	Regrasi koofisien pemboleh ubah bebas: Analisis regresi pelbagai, kaedah stepwise	73

## BAB 1

### PENGENALAN

Bab ini menerangkan beberapa perkara iaitu berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan hasil kajian, definisi konseptual serta rumusan bab.

#### 1.1 Pengenalan

Setiap kali kita membincangkan mengenai perkembangan anak-anak, sudah pasti perkara ini berkait rapat dengan latar belakang keluarga. Ini kerana keluarga merupakan golongan pertama yang dikenali oleh anak-anak dan memainkan peranan yang cukup penting dalam aspek perkembangan potensi mereka (Yuli, 2005). Melalui didikan daripada keluarga, anak-anak akan mula memahami orang lain di samping belajar untuk mengenal dan mengawal emosi dirinya. Selain itu, nilai-nilai yang didedahkan ibu bapa kepada anak-anak juga akan menjadi ikutan kepada anak-anak (Latifah, Nasyrudin & Hidayah, 2012).

Komunikasi keluarga dan gaya keibubapaan adalah merujuk kepada bentuk interaksi serta didikan antara individu dalam keluarga. Pembinaan perhubungan kekeluargaan dan didikan kepada anak-anak merupakan aspek terpenting dalam memupuk kemahiran interpersonal di samping membantu mengembangkan potensi mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh Aziyah (2008), persekitaran individu terutamanya keluarga memainkan peranan yang penting dalam membentuk perkembangan sikap dan potensi diri seseorang semenjak kecil sehingga meningkat dewasa. Sebagaimana peribahasa yang mengatakan ‘Melentur buluh biarlah daripada rebungnya’ yang bermaksud pembentukan peribadi dan pekerti mulia seseorang itu hendaklah bermula sejak kecil.

Peribahasa ini jelas memberi panduan agar pembentukan sikap dan potensi diri seseorang itu seharusnya digilap daripada awal lagi terutamanya daripada didikan dan juga teladan yang baik oleh keluarga dan seterusnya akan melahirkan individu yang berkompetensi dari pelbagai aspek apabila dewasa kelak.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Yuni (2009), menyatakan Ibu bapa adalah cerminan bagi setiap anak-anak dalam sesbuah keluarga yang mana anak-anak akan meniru apa sahaja perlakuan yang diamalkan oleh kedua ibu bapa mereka. Disebabkan itu, ibu bapa seharusnya menunjukkan sikap-sikap yang berteraskan nilai-nilai murni di samping mengenal pasti serta menggilap potensi anak-anak mereka melalui contoh, teladan dan tingkahlaku yang baik. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Azizi (2000), ibu bapa berperanan dalam mengembangkan potensi diri anak-anak mereka terutamanya dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek agar anak-anak memiliki kompetensi dalam pelbagai aspek khususnya dari segi kemahiran interpersonal apabila dewasa nanti. Di samping itu,

penerapan kemahiran interpersonal seperti kompetensi komunikasi interpersonal merupakan antara perkara penting yang perlu dikuasai pada zaman sekarang. Ini kerana, kompetensi komunikasi interpersonal merupakan suatu keperluan dalam dunia pekerjaan. Seperti mana Deadren, McIntosh, Myck dan Vignoles (2002), menyatakan majikan pada masa kini lebih memerlukan individu yang memiliki kompetensi komunikasi interpersonal sebagai salah satu kriteria penting dalam penawaran kerja. Ini sekali gus membuktikan kompetensi komunikasi interpersonal merupakan elemen wajib yang mesti dikuasai oleh mana-mana individu apabila ingin memasuki alam pekerjaan nanti.

Selain itu, keperluan untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal adalah penting untuk dijadikan salah satu nilai tambah semasa bersaing dalam mendapatkan pekerjaan yang semakin sengit. Zafir, Ishak dan Hair (2015), menyatakan majikan pada masa kini memerlukan bakal pekerja mereka yang memiliki kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal yang tinggi bagi menjamin kualiti dan reputasi sesuatu organisasi. Overtoom (2000), juga berpendapat, salah satu kemahiran insaniah yang sangat dikehendaki oleh majikan pada masa kini adalah kompetensi komunikasi interpersonal yang baik dalam memastikan kelancaran dan keberkesanannya sesuatu organisasi itu. Kompetensi komunikasi interpersonal juga merupakan suatu set kemahiran yang terpenting apabila menempuh dunia pekerjaan sebagai teras untuk menjamin masa depan sesebuah organisasi (Zainuddin, Anuar, Najib & Kamariah, 2005).

Oleh yang demikian, untuk muncul sebagai individu yang memiliki kriteria lengkap yang diinginkan majikan, potensi seseorang individu itu seharusnya digilap sejak awal lagi dan ibu bapa merupakan individu penting dalam memainkan peranan tersebut. Seperti mana yang dikatakan oleh Thomas dan Ganster (1995), keluarga adalah agen yang membentuk sikap anak dari kecil dan akan mewarnai tingkah laku anak-anak sepanjang hayat mereka. Hal ini adalah disebabkan ibu bapa yang berperanan menentukan potensi dan keupayaan anak-anak mereka ketika kecil sehingga dewasa kelak. Seperti yang dinyatakan Falsafi (2003), keluarga adalah sekolah yang tidak rasmi tetapi berperanan penting dalam mengembangkan potensi tersembunyi dalam diri anak-anak mereka terutamanya dalam aspek kebijaksanaan, keperibadian, keberanian dan lain-lain lagi.

Ini jelas menunjukkan bahawa keluarga merupakan suatu institusi yang paling banyak membekalkan ilmu pengetahuan, tidak kira dari sudut jasmani dan rohani malah meliputi pengalaman hidup kepada anak-anak. Menurut Firstyana (2013), keluarga mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan emosi dan tingkah laku anak-anak sehingga mereka meningkat dewasa. Justeru, penerapan kemahiran insaniah dan kompetensi komunikasi interpersonal anak-anak perlu disemai dan dikembangkan oleh ibu bapa semenjak kecil lagi sebagai langkah awal untuk menjadikan mereka individu yang lengkap dalam pelbagai aspek kemahiran dan juga sahsiah peribadi yang tinggi pada masa hadapan.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pua (2014), dalam kajiannya menyatakan kompetensi komunikasi interpersonal dalam kalangan graduan universiti kini berada di tahap tidak memuaskan, terutamanya bagi graduan yang lahir dari Universiti Awam. Menyokong kenyataan ini Shakil (2014), turut mendapati kompetensi komunikasi interpersonal para graduan universiti pada masa kini adalah di tahap kritis yang mana perkara ini telah menjadi isu ketidakpuasan hati dalam kalangan majikan sekali gus menjadi penyebab mengapa mereka tidak diambil bekerja di dalam sebuah organisasi.

Berikut itu, Ivy (2012), menyatakan kelemahan menguasai kompetensi komunikasi interpersonal seharusnya perlu dielakkan oleh para graduan kerana perkara ini merupakan elemen utama dalam menentukan kebolehpasaran graduan dalam bidang kerjaya yang akan mereka ceburi. Permasalahan ini turut dibincangkan oleh Azizi (2013), yang mendapati kebanyakan graduan pada masa kini kurang menguasai kompetensi komunikasi interpersonal pada tahap yang baik sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan. Justeru, beliau turut menjelaskan sekiranya para graduan masih tidak meningkatkan kemahiran tersebut, situasi ini jelas tidak akan membantu mereka untuk meneroka pelbagai peluang kerjaya apabila bergraduat kelak.

Kelemahan graduan dari segi kemahiran interpersonal ini sebenarnya adalah suatu perkara yang perlu dibimbangi oleh segenap lapisan masyarakat. Ini memandangkan persaingan pekerjaan pada hari ini tidak sekadar melihat kelayakan akademik untuk seseorang diterima bekerja semata-mata. Ini kerana, fakta menunjukkan pelajar berstatus ijazah semakin meningkat setiap tahun yang membuatkan majikan mempunyai pilihan yang ramai untuk diambil sebagai pekerja. Justeru, majikan pada masa kini lebih teliti dalam isu pemilihan pekerja dengan mengambil kira pelbagai elemen serta kriteria tambahan dalam penentuan tersebut, antaranya adalah kebolehan seseorang graduan menguasai kompetensi komunikasi interpersonal pada tahap yang tinggi (Salmi & Mohd Isha, 2014).

Antara faktor yang menyebabkan kegagalan graduan untuk menguasai kompetensi komunikasi interpersonal adalah disebabkan kaedah pembelajaran, pendedahan dan juga persekitaran institusi tempat mereka melanjutkan pengajian. Namun begitu, faktor latar belakang keluarga juga tidak terlepas daripada permasalahan ini memandangkan keluarga mempunyai pengaruh serta memberi kesan yang besar dalam menggilap potensi anak-anak mereka khususnya dari aspek kompetensi komunikasi interpersonal. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Othman (2010), keluarga merupakan institusi tidak rasmi dalam mempengaruhi perkembangan anak-anak dari segi keupayaan kendiri seperti kompetensi komunikasi interpersonal mahu pun gaya interaksi sosial seseorang untuk satu jangka tempoh yang panjang.

Dalam meningkatkan penguasaan kompetensi interpersonal, terdapat dua elemen utama dalam institusi kekeluargaan yang perlu dipandang serius untuk dipraktikkan oleh ibu bapa bagi meningkatkan tahap penguasaan kompetensi interpersonal anak-anak mereka iaitu pola komunikasi orang tua dan gaya keibubapaan. Perkara ini turut dijelaskan

oleh Monks dan Knoers (2014), yang menyatakan pola interaksi ibu bapa terhadap anak-anak memberikan pengaruh ke atas perkembangan emosi dan pemikiran anak-anak. Menguatkan lagi hujah ini, kajian yang dilakukan oleh Nooraini dan Salasiah (2013), turut mendapatkan amalan gaya keibubapaan memberi pengaruh yang cukup signifikan terhadap perkembangan personaliti anak-anak mereka.

Aziyah (2015), dalam kajiannya mendapatkan gaya komunikasi yang ditonjolkan oleh ibu bapa kepada anak-anak memberikan kesan langsung terhadap perkembangan sikap dan juga potensi diri anak-anak mereka. Sementara itu, Anuar dan Safrina (2010) pula menyatakan perkembangan jasmani dan rohani anak-anak terbentuk melalui gaya asuhan oleh ibu bapa yang merupakan *role model* kepada mereka. Menyokong kenyataan ini, Ratna dan Haslinda (2007), mendapatkan gaya serta bentuk komunikasi yang diamalkan dalam keluarga memainkan peranan yang sangat penting terhadap perkembangan emosi, interaksi sosial serta pembentukan kemahiran-kemahiran tertentu kepada anak-anak.

Justeru, kenyataan-kenyataan ini jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa adalah sangat penting dalam membentuk karakter positif terhadap anak-anak. Ini kerana, amalan pola komunikasi ibu bapa yang tidak betul akan menyumbang kepada kegagalan anak-anak menguasai pelbagai kompetensi kemahiran kendiri bagi jangka masa yang panjang, terutamanya dari sudut tahap pembelajaran serta kemahiran interpersonal (Nurshahzihan, 2014). Malahan, sikap ibu bapa yang mengambil pendekatan kurang peduli terhadap kepentingan amalan komunikasi dan gaya asuhan semasa mendidik akan menyebabkan anak-anak mereka menjadi pasif dan tidak mampu menguasai pelbagai kemahiran interpersonal apabila mereka dewasa kelak. Seperti yang dinyatakan oleh Zaini dan Rahman (2006), ibu bapa yang kurang berkomunikasi dan kurang membuat pemantauan terhadap anak-anak akan menyebabkan anak-anak mereka lemah dalam bidang akademik yang seterusnya membuatkan mereka kurang keyakinan diri malah mudah terjerumus ke dalam permasalahan sosial. Bahkan, ketidakprihatinan ibu bapa terhadap pengawasan serta kegagalan meluangkan masa menyebabkan anak-anak menjadi pasif dan kurang keupayaan kendiri yang menjadi antara faktor peningkatan gejala sosial (Abdorezza & Rozumah, 2010). Oleh yang demikian, huriahan ini jelas menunjukkan bahawa pola komunikasi dan gaya didikan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengembangkan potensi, keupayaan dan kemahiran kepada anak-anak mereka semenjak kecil lagi.

Walaupun terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji mengenai kesan amalan kekeluargaan terhadap perkembangan emosi, potensi, sikap dan tingkah laku anak-anak namun kajian yang memfokuskan kepada kesan pengamalan pola komunikasi dan gaya keibubapaan terhadap penguasaan komunikasi interpersonal anak-anak masih sukar ditemui dalam konteks kajian di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian secara empirikal ini dijalankan bagi mengurangkan jurang (*gap*) pengetahuan di samping melihat sama ada faktor keluarga berdasarkan kepada elemen pola komunikasi dan gaya keibubapaan memberi kesan kepada tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal seseorang.

Sementara itu, kajian mengenai tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar adalah amat penting dijalankan berikutan fakta kegagalan pelajar daripada Universiti Awam dalam menguasai perkara ini semakin membimbangkan. Kegagalan mereka menguasai perkara ini juga menjadi antara punca para graduan masa kini sering dipersoalkan oleh majikan yang menganggap mereka tidak berpotensi untuk diambil bekerja. Secara langsung, kesan daripada kelemahan ini menjadi penyumbang utama peningkatan kes pengangguran graduan lepasan Universiti Awam. Sebagaimana yang dibuktikan dalam laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) pada tahun 2012 yang mendapat seramai 75,800 graduan daripada Universiti Awam tidak berjaya memiliki pekerjaan yang setara dengan kelulusan mereka. Kenyataan ini turut diperkuatkan lagi oleh kajian Ismail (2013), yang mendapat seramai 164,736 graduan masih tidak berjaya mendapatkan pekerjaan setara dengan kelulusan mereka. Jumlah pengangguran dalam kalangan graduan Universiti Awam tidak hanya terhenti pada angka tersebut sahaja, malah terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya. Ini dibuktikan melalui kajian Rokia (2015), yang menyatakan lebih kurang 200,000 graduan menganggur pada tahun 2015. Angka ini kemudian meningkat sebanyak 16,048 pada April tahun berikutnya (Najib, 2016).

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dinyatakan, beberapa persoalan kajian telah ditimbulkan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Apakah tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar ?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara pola komunikasi dan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar ?
- 3) Adakah terdapat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar ?
- 4) Apakah terdapat pengaruh antara faktor pola komunikasi dan gaya keibubapaan terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar ?

#### **1.5 Objektif Kajian**

##### **1.5.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara pola komunikasi dan gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar di institusi pengajian tinggi.

##### **1.5.2 Objektif Khusus**

Objektif khusus kajian ini adalah:

- 1) Mengenal pasti tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar.
- 2) Mengenal pasti hubungan antara pola komunikasi dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar.

- 3) Mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar.
- 4) Untuk menentukan pengaruh faktor pola komunikasi dan gaya keibubapaan terhadap tahap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar.

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan pelajar di Universiti Penyelidikan (*Research University*) kerana maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Pengajian Tinggi (2014) merupakan universiti yang paling banyak menerima kemasukan pelajar setiap tahun. Selain itu, pengkaji memilih pelajar universiti sebagai responden adalah bersandarkan kepada objektif Rancangan Malaysia Kesembilan mensasarkan kelahiran individu yang memiliki minda kelas pertama dengan fokus kepada perkembangan golongan belia khususnya daripada golongan mahasiswa. Di samping itu, mahasiswa juga merupakan golongan yang lebih terdedah dan boleh berfikir dengan lebih matang dalam menjawab soalan yang diberikan.

Skop kajian ini dibataskan kepada penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal pelajar di universiti terpilih sahaja berdasarkan kepada pandangan mereka terhadap pola komunikasi yang diamalkan keluarga serta gaya keibubapaan ibu bapa pelajar.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang dijalankan, adalah diharapkan kajian ini akan memberikan manfaat berguna kepada institusi sama ada melalui metod, praktikal mahu pun teori.

### **1.7.1 Kepentingan kepada Institusi**

Hasil kajian ini memberikan maklumat dan pendedahan kepada para pelajar universiti dan juga pihak universiti berkenaan mengenai kepentingan penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal dalam dunia kerjaya. Bahkan, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada institusi keluarga tentang kepentingan amalan pola komunikasi keluarga dan gaya keibubapaan dalam membentuk sifat, peribadi dan potensi anak mereka. Melalui kesedaran yang diberi, kajian ini sekali gus menjadi panduan kepada institusi keluarga berkenaan amalan pola komunikasi keluarga dan gaya keibubapaan yang sesuai dipraktikkan dalam mendorong serta mengembangkan potensi anak-anak. Di samping itu, hasil kajian ini juga akan memberi maklumat kepada mahasiswa terutamanya berkenaan ciri-ciri graduan yang menjadi pilihan majikan di samping memberi kesedaran kepada keluarga mengenai kepentingan penerapan kompetensi komunikasi interpersonal kepada anak mereka.

### **1.7.2 Kepentingan kepada Metod**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pendekatan edaran borang soal selidik kepada responden. Metod dan item boleh digunakan pada

masa hadapan dengan mengadaptasi soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik kajian ini.

### **1.7.3 Kepentingan kepada Teori**

Kajian ini menggunakan teori pola komunikasi keluarga (Fitzpatrick & Ritchie, 1990), model gaya keibubapaan (Baumrind, 1967), dan teori kompetensi komunikasi interpersonal (Spitzberg & Cupach, 1984). Oleh yang demikian, kajian ini amat penting untuk melihat sejauh mana aplikasi teori pola komunikasi keluarga dan model gaya keibubapaan memberikan kesan terhadap penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal mahasiswa.

Tinjauan yang dibuat terhadapaa kajian-kajian lepas yang berkaitan, didapati sukar untuk mendapatkan teori yang membincangkan secara spesifik berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kompetensi komunikasi interpersonal mahasiswa. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan menjadi pelopor kepada asas pembentukan teori yang membincangkan dengan lebih mendalam terhadap faktor-faktor ini. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan akan menambahbaik teori berkaitan yang digunakanapakai.

## **1.8 Definisi Konseptual**

### **1.8.1 Pola Komunikasi**

Menurut Fitspatrick dan Ritchie (1993), pola komunikasi ibu bapa merupakan proses ibu bapa mensosialisasi anak-anak di samping mengembangkan ilmu pengetahuan melalui perkongsian maklumat dan idea dalam keluarga mereka. Dalam kajian ini, pola komunikasi keluarga adalah merujuk kepada pola komunikasi keluarga orientasi perbualan dan keakuran.

### **1.8.2 Gaya Keibubapaan**

Baumrind dan Black (1997), menyatakan gaya keibubapaan adalah proses ibu bapa mendidik, mendisiplin serta memberikan bimbingan kepada anak-anak mereka. Gaya keibubapaan juga melibatkan proses pertukaran buah fikiran, berbagi emosi serta cara mempengaruhi orang lain. Manakala, gaya keibubapaan yang dikaji dalam kajian ini pula adalah gaya keibubapaan autoritarian dan demokratik.

### **1.8.3 Kompetensi Komunikasi Interpersonal**

Kompetensi komunikasi interpersonal merupakan keupayaan atau kecekapan komunikasi dalam memilih tingkah laku atau komunikasi yang sesuai dan berkesan dalam menyesuaikan diri dalam keadaan tertentu (Spitzberg & Cupach, 1984). Kompetensi komunikasi interpersonal ini mengandungi tiga dimensi utama yang dikaji, iaitu pengetahuan, motivasi dan kemahiran.

### **1.9 Rumusan Bab**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan berkenaan pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi konseptual. Bab seterusnya akan membincangkan beberapa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.

## RUJUKAN

